

LEKSIKAL ‘KAKI’ DALAM KORPUS SIMPULAN BAHASA MELAYU BERDASARKAN SEMANTIK INKUISITIF

LEXICAL ‘FOOT’ IN IDIOM MALAY LANGUAGE BASED ON INQUISITIVE SEMANTICS

Nurairwahidah AHMAD¹
Anida SARUDIN^{2*}
Mohd Sufian ISMAIL³
Maulana Al-Fin CHE MAN⁴
Mohd Amir MOHD ZAHARI⁵
Mohamad Nik MAT PELET⁶
Rohayati JUNAIDI⁷

^{1,2,5,7}Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

³Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru kampus Ipoh, 31150 Hulu Kinta, Perak, Malaysia.

⁴Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06050 Sintok, Kedah, Malaysia.

⁶Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

¹ainwahidah1520@gmail.com

²*anida@fbk.upsi.edu.my

³sufian@ipgmipoh.edu.my

⁴maulanaalfinchewan@gmail.com

⁵amir.mz@fbk.upsi.edu.my

⁶nikmat@uitm.edu.my

⁷rohayati@fbk.upsi.edu.my

Corresponding author*

Received: 24th January 2025

Accepted: 4th October 2025

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis simpulan bahasa Melayu, iaitu leksikal “kaki” dengan menggunakan korpus berdasarkan Semantik Inkuisitif. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis dokumen. Senarai semak digunakan untuk mengenal pasti simpulan bahasa berdasarkan leksikal “kaki” dan semantik inkuisitif digunakan untuk mendapatkan makna yang lebih mendalam. Kajian ini berfokus kepada empat simpulan bahasa yang mempunyai leksikal “kaki” dalam korpus. Hasil dapatan menunjukkan simpulan bahasa ini dapat dibahagikan kepada dua domain utama, iaitu positif dan negatif. Hasil kajian mendapati bahawa konsep “kaki” merujuk kepada bahagian yang terdapat pada anggota badan, iaitu dari pinggang ke hujung jari dan secara tidak langsung kaki merupakan salah satu daripada anggota badan yang banyak digunakan dalam aktiviti seharian. Dapatan ini juga dapat memberi gambaran keseluruhan terhadap penggunaan leksikal “kaki” selain mengetahui makna secara

harfiah. Implikasi bagi kajian ini ialah guru dan murid dapat memahami maksud bukan sahaja secara harfiah namun dapat memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai simpulan bahasa. Selain itu, kajian ini juga merupakan pendedahan awal kepada murid sekolah menengah mengenai korpus untuk mereka mencari contoh teks yang berkenaan. Kajian semantik inkuisitif dapat menghuraikan makna sebenar simpulan bahasa tersebut yang memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menggunakan leksikal “kaki” bagi mencerminkan atau menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat.

Kata kunci : simpulan bahasa; leksikal; kaki; semantik inkuisitif; korpus

ABSTRACT

This study aims to analyze Malay idioms, specifically the lexical item “kaki” (foot/ leg) using a corpus-based approach grounded in Inquisitive Semantics. The research methodology adopts a qualitative methodology through document analysis. A checklist was used to identify idioms containing the lexical item “kaki”, while the Inquisitive semantic framework is applied to obtain deeper meanings. This study focuses on four idioms that include the lexical item “kaki” within the corpus. The findings indicate that these idioms can be divided into two main domains: positive and negative. The study reveals that the concept of “kaki” refers to the part of the body, specifically from the waist to the toes, and is indirectly associated with frequent usage in daily activities. These findings also provide an overview of how the lexical item “kaki” is used, extending beyond its literal meaning. The implication of this study suggest that teachers and students can gain not only literal but also deeper comprehension of idioms. Furthermore, this study also serves as an initial introduction for secondary school students to corpus-based studies, enabling them to locate relevant text examples. The application of inquisitive semantics successfully elucidates the true meanings of these idioms, reflecting the wisdom of Malay community in early times in using the lexical item “kaki” to convey implicit messages and cultural insight.

Keywords : language Inference; lexical; leg; inquisitive semantics; corpus

Pengenalan

Peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu di Malaysia. Peribahasa merupakan antara puisi tertua yang memaparkan akal budi bangsa Melayu, dan penciptaannya berakar daripada adat istiadat Melayu lama. Sejalan dengan itu, menerusi peribahasa dapat dikaji struktur sosial bangsa Melayu lama, sikap, aktiviti kehidupan serta falsafah hidup. Menurut Jaafar et al. (2018), peribahasa bermaksud kelompok kata atau ayat yang mempunyai susunan tetap serta mengandungi pengertian tertentu. Peribahasa merupakan salah satu penghasilan karya kreatif oleh masyarakat Melayu terdahulu (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Perkembangan peribahasa telah disampaikan secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi. Menurut Muhammad Zaid et al. (2021), peribahasa digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai alat berkomunikasi secara kiasan untuk memberi nasihat, menegur tingkah laku negatif, menyampaikan hasrat, memberi motivasi dan sebagainya. Penghasilan peribahasa berkaitan alam sekitar mempunyai hubung kait dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu terdahulu tentang keunikan bahasa Melayu (Mohd Ridzuan, 2020). Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), peribahasa Melayu dapat dipecahkan kepada enam bahagian, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat. Dalam kajian, pengkaji akan menfokuskan kajian ini kepada simpulan bahasa.

Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), simpulan bahasa bermaksud ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan yang membentuknya. Simpulan bahasa juga merupakan ungkapan yang lazimnya terdiri daripada rangkaian perkataan-perkataan ringkas yang mempunyai susun atur khusus yang membawa maksud yang tersirat. Menurut Muhammad Zaid et al. (2021), simpulan bahasa terbahagi kepada dua jenis, iaitu simpulan bahasa yang mempunyai makna yang berlainan. Contohnya, simpulan bahasa "ambil hati". Makna pertama bagi simpulan bahasa ini adalah membuat sesuatu untuk menggembarakan orang lain dan makna keduanya adalah berasa tersinggung atau berasa agak marah. Seterusnya, simpulan bahasa yang mempunyai makna yang sama. Sebagai contohnya, simpulan bahasa "besar hati" dan "suka hati". Kedua-dua simpulan bahasa tersebut menjelaskan maksud perasaan gembira dan girang dalam hati. Simpulan bahasa juga disebut sebagai ungkapan, iaitu rangkaian perkataan yang tetap bersimpul atau terbeku dengan susunan khas dan dipakai dengan erti yang berlainan daripada asal (Abdullah et al., 2009). Selain itu, simpulan bahasa boleh terdiri daripada kata-kata yang ringkas atau rangkaian perkataan yang dirumuskan dalam susunan tertentu yang membawa maksud tertentu. Maksud sesuatu simpulan bahasa mempunyai tersirat atau tersembunyi dan bukannya yang tersurat atau nyata.

Semantik merupakan salah satu bidang linguistik yang mengkaji tentang makna. Semantik ialah bidang dalam linguistik yang mengkaji makna secara saintifik. Hal ini bermakna kajian semantik haruslah bersifat empirikal, menguji dan mengesahkan pernyataan-pernyataan yang dibuat dalam kajian tersebut. Menurut Abdullah et al. (2009), semantik merupakan satu istilah yang merujuk kepada kajian makna. Makna merupakan sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga menjadi sebahagian daripada linguistik. Kajian makna kata dalam bahasa Melayu menurut sistem penggolongan semantik adalah cabang linguistik yang berperanan untuk meneliti makna kata, asal usulnya, perkembangannya dan sebab-sebab terjadi perubahan makna dalam sejarah bahasa. Selain itu, pengkaji akan mengkaji simpulan bahasa berleksikal "kaki" untuk melihat bagaimana konsep tersebut diterjemahkan melalui simpulan bahasa. Konsep simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "kaki" merujuk hakikat kehidupan Masyarakat Melayu, iaitu orang Melayu dahulu menggunakan benda yang berdekatan dengan mereka untuk membentuk simpulan bahasa misalnya, kaki ayam. Kaki merupakan anggota tubuh badan mereka, manakala ayam pula haiwan peliharaan mereka. Terbuktilah bahawa masyarakat dahulu gemar menggunakan atau mencipta peribahasa menggunakan benda yang ada di

sekeliling mereka. Dengan itu, terbukti peribahasa Melayu mementingkan kesejahteraan masyarakat dalam menjalani semua aspek kehidupan. Hal ini menepati pendapat Hamilton & Lahne (2020) yang menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu, peribahasa menjadi hukum adat dan nasihat moral serta peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya.

Kepesatan bidang ilmu dan teknologi membolehkan bahasa Melayu disesuaikan dengan keperluan pengguna bahasa (Mohd Sufian & Anida, 2025). Dalam bidang yang khusus seperti pemerian makna Simpulan Bahasa Melayu, kini dengan perubahan zaman menjadikan sesuatu perkataan mempunyai makna yang lebih luas berbanding dahulu dengan bantuan penggunaan teknologi perkomputeran (Mohamad Afiq Hidayat & Nurul Jamilah, 2025; Muhammad Arif et al., 2024; Siti Nur Solehah et al., 2023). Jika dahulu contoh ayat simpulan bahasa terhad, tetapi kini dengan adanya penggunaan teknologi menyebabkan sesuatu contoh penggunaan ayat simpulan bahasa dapat dicari dengan mudah dengan menggunakan data korpus. Oleh itu, untuk melihat sesuatu contoh ayat yang menggunakan simpulan bahasa, penggunaan teknologi komputer diperlukan bagi membantu mencari contoh penggunaan ayat bagi simpulan bahasa.

Simpulan bahasa memiliki intelektual yang tinggi menerusi ciptaan masyarakat Melayu. Wadah intelektual perlu dikaji secara empirikal dan praktikal. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada simpulan bahasa yang mempunyai leksikal 'kaki' misalnya, 'kaki bangku', 'kaki ayam', 'kaki botol' dan sebagainya. Pengkaji ingin mengkaji leksikal 'kaki' ini agar dapat membuktikan kebijaksanaan dan hati budi orang Melayu. Kemudian, pengkaji juga akan mengaitkan makna simpulan bahasa dengan semantik inkuisitif.

Soroton Literatur

Kajian mengenai pemikiran masyarakat melalui peribahasa merupakan kajian yang banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Berdasarkan kajian Nor Hashimah & Junaini (2010) didapati hampir 60.0% (894 orang) pelajar gagal menguasai kemahiran peribahasa. Melalui kajian ini, dapat dibuktikan bahawa faktor sosial pelajar remaja mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap penguasaan kemahiran tersebut. Hakikatnya, penguasaan bahasa Melayu pelajar remaja, yang berkaitan dengan makna tersirat masih lemah dan memerlukan perhatian yang serius (Nasir et al., 2023). Menurut Nurul Syazana & Nurul Jamilah (2021), kajiannya telah menganalisis penggunaan leksikal 'hati' yang terdapat dalam simpulan bahasa Melayu berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif dan rangka rujuk silang. Hasil dapatan menunjukkan simpulan bahasa ini dapat dibahagikan kepada empat domain utama, iaitu domain positif, negatif, perasaan dan tingkah laku. Berdasarkan tatatingkat Semantik Inkuisitif, iaitu tahap semantik skrip, tahap semantik resonans dan tahap semantik inkuisitif ini mendapati bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat menghargai apa yang ada di sekeliling mereka. Pembentukan simpulan bahasa daripada leksikal 'hati' bukan sahaja daripada aspek unsur alam seperti hati tungau dan hati tikus. Malah, terdapat juga aspek ketuhanan seperti hati tawajuh selain unsur logam seperti hati emas. Secara keseluruhan, analisis semantik inkuisitif dapat dilihat sebagai pendekatan kajian makna simpulan bahasa yang menghubungkan data, teori, kognitif, falsafah serta akal budi masyarakat Melayu yang menjadi tunjang bagi memahami makna sesuatu simpulan bahasa dengan lebih terperinci dan menyeluruh.

Menurut Murthy & Subet (2019), peribahasa juga dicipta hasil daripada pengamatan lapisan masyarakat terhadap keistimewaan alam semula jadi ciptaan Tuhan yang juga mempunyai makna tersurat dan tersirat. Kajian tersebut telah mengenal pasti makna implisit di sebalik peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan, khususnya imej rumput serta pengaruh budaya yang menyebabkan lahirnya peribahasa yang melibatkan imej tumbuhan, di samping mengenali makna

harfiah peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis makna implisit di sebalik penggunaan 25 peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan malah untuk menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dari aspek semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil yang mempunyai imej tumbuhan. Di samping itu, kajian ini juga dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu melalui temu bual terhadap empat orang informan dan ulasan yang dibuat terhadap peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat India mencipta setiap peribahasa menggunakan alam semula jadi di sekeliling mereka. Selain itu, setiap peribahasa yang dicipta mempunyai makna implisit di sebaliknya dan setiap makna itu mempunyai satu ikatan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat tersebut. Kesimpulannya, penelitian terhadap peribahasa Tamil telah menyerlahkan ketinggian pemikiran dan akal budi masyarakat India dalam penciptaan peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan.

Kefahaman makna peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu juga semakin membimbangkan (Marriane Tang et al., 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana penutur bahasa Melayu, khususnya orang Melayu jarang menggunakan peribahasa dalam ujaran mereka sehari-hari. Malah, ada antara mereka yang tidak memahami maksud peribahasa itu sendiri (Nor Hashimah & Junaini, 2010). Peribahasa seperti 'kaki botol' yang membawa maksud seseorang yang kuat minum arak boleh dijadikan nasihat tersirat. Contoh lain seperti, 'goyang kaki' pula membawa maksud seseorang yang bersenang-senang tidak melakukan sesuatu pekerjaan. Penggunaan simpulan bahasa ataupun pendedahan pengetahuan makna dalam simpulan bahasa kepada pelajar kurang dikuasai oleh mereka. Hal ini demikian kerana apabila guru menyuruh muridnya menyatakan beberapa peribahasa serta menjelaskan maksud peribahasa tersebut, jawapan yang diterima amat mengecewakan. Walaupun murid-murid telah diberi pendedahan awal terhadap peribahasa, namun penguasaan terhadap peribahasa kurang memberangsangkan ekoran tidak diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan Hawiyah & Nor Hashimah (2015), peribahasa Melayu dan nilai-nilai Melayu yang dianalisis menggunakan Teori Relevan menunjukkan proses kognitif terlibat dalam memahami makna yang ingin disampaikan seperti peluasan ad hoc (*ad hoc broadening*) dan Rujukan Silang Penghubung (*Bridging Cross Reference*). Pada masa yang sama, kajian tersebut turut menunjukkan bahawa peribahasa Melayu mempunyai dua tujuan, iaitu sebagai alat untuk mendidik, menyindir dan menasihati. Selain itu, peribahasa juga dikatakan sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai Melayu, terutamanya konsep maruah dan malu. Nilai-nilai kesopanan (*modesty*) dan mengelakkan pujian secara langsung adalah penting dalam budaya Melayu, seperti yang dicerminkan dalam penggunaan peribahasa seperti "diam-diam ubi" untuk menyampaikan kekaguman secara tidak langsung (Asmah Omar, 1992).

Selain itu, terdapat juga kajian simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "makan" berdasarkan pendekatan kognitif (Anida, 2012). Sebanyak 16 simpulan bahasa Melayu yang mengandungi perkataan 'makan' menggunakan prinsip metafora konseptual daripada semantik kognitif dipraktikkan. Dapatan menunjukkan masyarakat Melayu pada masa dahulu mempunyai keupayaan kognitif yang tinggi dalam mencipta simpulan bahasa, yang mewakili warisan budaya yang bernilai. Pembentukan simpulan bahasa menggunakan 'makan' adalah disebabkan oleh pemetaan antara domain sumber dan domain sasaran pengetahuan. Analisis menunjukkan bahawa setiap simpulan bahasa yang dikaji mempunyai metafora konseptual yang sama.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dikaji, masih terdapat jurang penyelidikan yang perlu dilakukan terhadap simpulan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian Hawiyah & Nor Hashimah (2015) memberi tumpuan kepada simpulan bahasa berdasarkan kajian pragmatik. Selain itu, terdapat juga kajian simpulan bahasa kata 'makan' yang menggunakan pendekatan kognitif (Anida, 2012). Dalam hal ini, kajian semantik inkuisitif dengan menggunakan leksikal 'kaki' dalam data korpus masih berpotensi untuk dijalankan.

Selain itu, kebanyakan kajian mengenai simpulan bahasa dibataskan berdasarkan maksud kamus sahaja. Sebahagian pengkaji tidak melihat makna peribahasa daripada sudut konotatif dan denotatif. Mereka hanya melihat makna secara harfiah tanpa mengambil kira makna konotatif dan denotatif. Hal ini disokong Nor Hashimah & Junaini (2010) yang mengatakan bahawa kajian mengenai semantik inkuisitif dapat mencari makna peribahasa yang lebih tepat dan mendalam.

Menurut Muhammad Faez et al. (2022), Semantik Inkuisitif merupakan pendekatan yang digunakan untuk mendalami makna tersirat di sebalik ungkapan peribahasa. Pendekatan Semantik Inkuisitif turut melibatkan skrip, data, teori, kognisi, bahasa, budaya, falsafah, dan akal budi penuturnya (Murthy & Subet, 2019). Kajian ini juga dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang makna yang lebih mendalam berkaitan simpulan bahasa. Bagi kajian ini, pengkaji akan meneliti penggunaan leksikal "kaki" dalam simpulan bahasa masyarakat Melayu. Analisis ini mengikut tahap-tahap yang telah diperkenalkan Nor Hashimah & Junaini (2010), iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Kajian ini juga dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai makna yang mendalam mengenai simpulan bahasa menggunakan semantik inkuisitif.

Akhir sekali, penggunaan data korpus juga kurang diaplikasi dalam kajian terdahulu. Menurut Hassan (2023), data korpus merupakan data linguistik bersaiz besar yang mampu dijana dengan cepat, manakala cara pengelolaannya juga lebih selamat, terjamin, dan meyakinkan. Pendedahan terhadap penggunaan data korpus dalam kalangan guru dan pelajar amat penting agar selari dengan hasrat Malaysia untuk memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran abad ke-21 (Jafar et al., 2023) . Pada peringkat akademik, kamus menjadi rujukan asas kepada para guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, pengenalan atau pendedahan data korpus kepada guru dan pelajar dapat memperluas rujukan mereka serta membolehkan mereka melihat contoh penggunaan simpulan bahasa dalam ayat. Usaha mengumpul data korpus bahasa Melayu berkomputer agak lama dimulakan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), terutamanya di Bahagian Penyelidikan Bahasa dan Bahagian Perkamusan. Menyedari pentingnya bahasa Melayu, maka DBP dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program pembinaan bahasa bagi mencapai matlamat untuk membina, mengukuhkan dan meningkatkan Korpus Bahasa Melayu dalam bidang tatabahasa, peristilahan, laras bahasa dan ortografi. Jelaslah bahawa pengenalan kepada data korpus amat penting untuk digunakan dalam pembelajaran kini. Banyak kajian lepas mengkaji makna simpulan bahasa dengan menggunakan anatomi tubuh badan manusia namun kurang memfokuskan dengan leksikal 'kaki' dan dengan merujuk data korpus serta menganalisis menggunakan semantik inkuisitif untuk mendapatkan makna yang lebih tepat. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "kaki" dalam korpus. Seterusnya, menganalisis maksud simpulan bahasa yang menggunakan leksikal 'kaki' simpulan bahasa berdasarkan semantik inkuisitif. Akhir sekali, menghuraikan domain positif dan negatif leksikal 'kaki' simpulan bahasa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mengumpul data yang berkaitan dengan objektif kajian. Kaedah ini memudahkan pengkaji memanfaatkan bahan sedia ada untuk dianalisis (Mohd Sufian & Anida, 2025; Mohd Sufian et al., 2022; Mohd Sufian & Anida, 2021, 2022, 2023, 2024, 2025a, 2025b). Bahan kajian terdiri daripada data korpus bahasa Melayu. Pengkaji meneliti dan mengenal pasti ayat yang mengandungi simpulan bahasa berleksikal "kaki" dalam data korpus tersebut. Selain itu, senarai semak turut digunakan bagi tujuan analisis dengan menyenaraikan semua ayat yang mempunyai simpulan bahasa tersebut. Data yang diperoleh kemudiannya dikategorikan dan disusun dalam bentuk jadual. Proses pengumpulan data dibahagikan kepada tiga fasa utama, iaitu:

- i. Mengenal pasti simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "kaki" dalam data korpus;
- ii. Menyenaraikan contoh ayat yang mengandungi simpulan bahasa tersebut; dan
- iii. Mentafsir makna berdasarkan konteks ayat sebenar.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan contoh ayat simpulan bahasa berleksikal "kaki" dalam korpus sebagai rujukan utama. Pendekatan Semantik Inkuisitif bukan sahaja melibatkan skrip, data, teori, dan kognisi sebagai komponen analisis makna, tetapi turut mengaitkan bahasa, budaya, falsafah, dan akal budi penuturnya bagi mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu. Sebelum kemunculan pendekatan ini, pengkajian makna peribahasa hanya berasaskan semantik skrip, iaitu tafsiran makna berdasarkan pemerhatian dan dokumen secara deskriptif, serta semantik resonans, iaitu tafsiran makna berdasarkan data, teori, dan kognisi.

Dapatan Kajian

Fokus penelitian pada fasa pertama kajian adalah tertumpu kepada kemunculan dan penggunaan unit leksikal 'kaki' yang dikenal pasti hadir dalam data korpus yang digunakan. Setiap data yang mengandungi leksikal 'kaki' ini telah diteliti secara terperinci bagi mengenal pasti konteks penggunaan dan kemungkinan variasi makna yang wujud. Semua data relevan yang telah diekstrak dan diklasifikasikan secara sistematik ini kemudiannya, disusun dan disenaraikan. Berikut merupakan jadual bagi menggambarkan keseluruhan penemuan pada fasa pertama, iaitu:

Jadual 1: Senarai Leksikal "Kaki" Simpulan Bahasa dan Contoh Ayat Penggunaannya

Bil	Senarai Leksikal "Kaki" Simpulan Bahasa Dalam Korpus	Contoh Ayat penggunaan Leksikal "Kaki" dalam Korpus
1	kaki botol	Ahli murtad, yang rajin berzindik, yang 'kaki botol', ahli takbur, riak, hubub dunia pun boleh laung.
2	kaki perempuan	Apabila dia berhadapan dengan Sun Meiren yang bertubuh gempal, Encik Zhao bersikap seperti seorang 'kaki perempuan'.
3	kaki pancing	Kepada 'kaki pancing' pakej dua hari satu malam di Pulau Ketam dengan bayaran hanya RM88 adalah amat murah berbanding destinasi memancing lain
4	kaki ayam	Sebaik sahaja sampai di rumah, tanggalkan kasut dan berjalan 'kaki ayam'.

Jadual 1 memaparkan hasil analisis data korpus yang memperincikan analisis semantik terhadap simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "kaki" sebagai komponen utamanya. Pemerian data ini mengemukakan empat simpulan bahasa yang signifikan, iaitu "kaki botol", "kaki perempuan", "kaki pancing", dan "kaki ayam". Setiap simpulan bahasa ini disertakan dengan contoh ayat yang menggambarkan konteks penggunaan sebenar dalam wacana. Analisis awal terhadap data ini menunjukkan satu mekanisme peluasan makna yang ketara, selaras dengan kerangka Teori Metafora Konseptual (Lakoff & Johnsan, 2003), iaitu leksikal "kaki" yang merujuk kepada domain sumber fizikal telah dipetakan secara konseptual ke domain sasaran untuk menandakan ciri, tabiat, atau kecenderungan seseorang individu. Secara spesifik, "kaki botol" dan "kaki perempuan" membawa konotasi pejoratif, manakala "kaki pancing" merujuk kepada hobi. Bagi "ayam" pula menunjukkan mekanisme metafora yang berbeza, merujuk kepada keadaan fizikal. Seterusnya, maksud simpulan bahasa yang menggunakan leksikal "kaki" dianalisis berdasarkan semantik inkuisitif.

Tahap Pertama

Secara harfiah, simpulan bahasa "kaki botol" dalam bahasa Melayu adalah merujuk kepada seseorang yang gemar minum minuman keras. Istilah ini biasanya digunakan dalam konteks negatif untuk menggambarkan seseorang yang sering mabuk atau ketagihan alkohol (Junaini & Julaina, 2021).

Tahap Kedua

Pada tahap kedua, analisis dilakukan dalam peringkat kognitif, iaitu berfikir secara mendalam. Tahap kedua ini merupakan tahap kognitif reasonans, iaitu pengesahan maklumat berkaitan pemikiran. Bagi menginterpretasi makna simpulan bahasa yang tersirat, pengkaji mengaplikasikan konsep *ad-hoc* untuk menyingkap makna sebenar objek "kaki botol" pada peringkat kognitif. Hal ini demikian kerana leksikal "kaki botol" dianggap sebagai metafora yang disandarkan kepada sesuatu yang lain.

Tahap ketiga

Seterusnya, analisis dilakukan pada tahap ketiga, iaitu pendekatan semantik inkuisitif yang mengujarkan soalan 'mengapa' ditanya pada tahap ketiga ini. Melalui kaedah persoalan 'mengapa' pada tahap ini, persoalan akan terjawab serta dapat menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu. Simpulan bahasa "kaki botol" terbina sebagai perumpamaan untuk menggambarkan halangan atau rintangan dalam suatu proses kerana beberapa alasan yang berkaitan dengan karakteristik fisik dan analogi yang mudah difahami dari sebuah botol. Berikut adalah alasan-alasan utama simpulan bahasa "kaki botol" terbina. Ungkapan "kaki botol" merupakan simpulan bahasa yang merujuk kepada seseorang yang suka minum minuman keras atau alkohol. Penggunaan istilah "kaki" dalam banyak bahasa melambangkan seseorang yang terlibat dalam tabiat suatu kegiatan. Secara amnya, dapat kita ketahui bahawa botol digunakan untuk merujuk kepada bentuk arak yang biasanya diisi dalam botol kemudiannya dijual. Botol amat sesuai digunakan untuk mengisi sesuatu yang bersifat cecair sesuai dengan sifat arak yang berbentuk cecair. Jika kotak yang digunakan, sudah pasti kotak tersebut akan basah dan cecair itu akan keluar. Perbuatan meminum arak merupakan perbuatan yang tidak baik. Perbincangan diteruskan dengan perincian terhadap simpulan bahasa "kaki botol". Berikut merupakan jadual eksplikatur "kaki botol".

Jadual 2: Eksplikatur Kaki Botol dan Bentuk Logik

IMPLIKATUR	BENTUK LOGIK
Kaki Botol	Tapak pada bahagian bawah botol Bahagian bawah bekas atau cawan yang berisi cecair Seseorang yang mempunyai tabiat minum alkohol

Berdasarkan Jadual 2, eksplikatur dan bentuk logik bagi 'kaki botol' menunjukkan bahawa bentuk logik dibentuk dan difahami secara asas. Seterusnya, proses pengukuhan maklumat ensiklopedia. Pengukuhan ensiklopedia yang berlaku adalah berdasarkan pengetahuan semasa, pembacaan dan pengalaman yang dilalui oleh pendengar atau pembaca. Proses pengukuhan ini membantu pendengar atau pembaca untuk memahami bentuk logik yang telah terhasil. Bentuk logik yang terhasil akan lebih mudah untuk mencapai tahap korelevanan tinggi jika pendengar atau pembaca berada dalam lingkungan persekitaran kognitif pemantun. Maklumat ensiklopedia yang dapat dihasilkan adalah seperti tapak pada bahagian bawah botol dan bahagian bawah bekas atau cawan yang berisi cecair. Penghasilan maklumat ensiklopedia ini adalah melalui pengetahuan umum yang terdapat dalam minda pendengar atau pembaca tentang "kaki botol". Jika "kaki botol" difahami secara harfiah sahaja, maksudnya "kaki botol" merupakan tapak bahagian bawah bekas tempat isi cecair namun, jika "kaki botol" ini ditafsirkan secara tersirat maka maksudnya adalah berbeza. Di samping itu, bagi melihat penggunaan simpulan bahasa "kaki botol" yang merupakan maksud kepada seseorang yang mempunyai tabiat minum alkohol adalah dengan cara pengkaji memaparkan data korpus yang mempunyai kolokasi dengan leksikal "kaki botol". Hal ini diperkukuhkan dengan dapatan dalam data

korpus DBP. Berikut merupakan jadual bagi memaparkan penggunaan simpulan bahasa "kaki botol" dalam data.

Jadual 3: Contoh Penggunaan Ayat Kaki Botol dalam Data Korpus

Bil	Data Korpus
1	Sebagai contoh, penagih dadah yang berterusan menjadi masalah negara dan dunia, 'kaki botol' yang sentiasa mabuk, kaki perempuan yang suka berzina dan kaki judi dari pagi hingga pagi esoknya di meja judi.
2	Bapanya yang 'kaki botol' akan pulang ke rumah dalam keadaan mabuk.
3	Ayahnya 'kaki botol', panas baran, gemar berjudi dan memangsakan anak-anaknya sebagai objek untuk melepaskan kemarahan.

Jadual 3 menunjukkan kolokasi penggunaan leksikal "kaki botol" digunakan bagi mengukuhkan maklumat ensiklopedia pendengar atau pembaca. Sumber korpus DBP ini dapat menunjukkan "kaki botol" merujuk kepada perbuatan buruk seseorang. Misalnya tabiat seseorang yang gemar minum arak. Hal ini dapat dibuktikan melalui ayat yang terdapat dalam data korpus, iaitu *bapanya yang "kaki botol" akan pulang ke rumah dalam keadaan mabuk*. Melalui ayat ini, dapat dikenal pasti bahawa bapanya mempunyai tabiat minum arak sehingga mabuk. Ayat ini juga dapat dibuktikan melalui data yang diperoleh melalui data korpus bahawa "kaki botol" merujuk kepada perbuatan buruk seseorang, iaitu tabiat minum arak.

Langkah terakhir dalam tahap ini adalah dengan menyenaraikan inferens yang paling relevan untuk diproses. Berdasarkan analisis eksplikatur bentuk logik yang kemudiannya diperkukuhkan dengan maklumat ensiklopedia dan seterusnya melalui proses penyempitan, maka lapisan implikatur dapat dikesan oleh pendengar atau pembaca dengan lebih jelas. Pendengar atau pembaca dapat memahami bahawa "kaki botol" merupakan perbuatan seseorang dan bukanlah ciri-ciri sebuah botol. Berikut merupakan senarai inferens yang bakal ditolak dan bakal dipilih oleh pendengar atau pembaca bagi mencapai relevan yang optimum.

- a. Tapak pada bahagian bawah botol
- b. Bahagian bawah bekas atau cawan yang berisi cecair
- c. Seseorang yang mempunyai tabiat minum alkohol

Interpretasi (a) adalah bersifat harfiah dan merupakan makna tersurat, iaitu makna yang mudah difahami. Oleh itu, andaian ini tertolak dengan sendirinya. Pilihan (b) juga tidak dipilih sebagai makna metafora kerana merupakan bentuk fizikal bagi botol. Pilihan (c) merupakan inferens yang paling relevan dan membawa kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh ayat dalam data korpus, iaitu seseorang yang mempunyai tabiat minum arak ataupun alkohol. Seterusnya, kajian beralih kepada proses menginterpretasikan makna metafora "kaki botol". Rajah 2 merupakan proses *ad-hoc* penyempitan bagi leksikal "kaki botol".

Rajah 2: Laluan Inferens Leksikal 'Kaki Botol'

KAKI BOTOL	PERBUATAN	TABIAT MINUM ARAK
(Eksplikatur)	(Konsep Fizikal)	(Penyempitan makna)

Berdasarkan Rajah 2, konsep *ad-hoc* diaplikasikan, iaitu melibatkan konsep penyempitan makna kepada perbuatan buruk seseorang. Laluan inferens terhadap simpulan bahasa “kaki botol” ini dibuat berdasarkan padanan antara bentuk logik dan maklumat ensiklopedia terhadap “kaki botol”. Simpulan bahasa *kaki botol dianalogikan* sebagai perlakuan negatif seseorang, iaitu tabiat individu yang gemar meminum arak sehingga memudaratkan diri sendiri. Jelaslah bahawa berdasarkan data korpus, antara contoh ayat yang ditemukan ialah: “*Ahli murtad, yang rajin berzindik, yang kaki botol, ahli takbur, riak, hubb al-dunyā pun boleh laung.*” Melalui ayat ini dapat dibuktikan bahawa “kaki botol” merujuk kepada perbuatan manusia yang buruk, iaitu perbuatan seseorang yang mempunyai tabiat minum arak sehingga boleh memudaratkan diri dan keluarga. Seterusnya, analisis ini akan beralih kepada tahap ketiga yang melibatkan kaedah penerokaan. Melalui kaedah penerokaan ini, segala persoalan seperti “kenapa” dan “bagaimana” akan terjawab serta seterusnya menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu. Berdasarkan simpulan bahasa leksikal “kaki botol” kenapa orang Melayu memilih leksikal “kaki botol” sebagai perbuatan buruk, iaitu tabiat seseorang minum arak.

Tahap Ketiga

Seterusnya, analisis dilakukan pada tahap ketiga, iaitu pendekatan Semantik Inkuisitif yang mengujarkan soalan ‘mengapa’ ditanya pada tahap ketiga ini. Melalui kaedah persoalan ‘mengapa’ pada tahap ini, persoalan akan terjawab serta dapat menyerlahkan falsafah dan akal budi Melayu. Pendekatan semantik inkuisitif telah melibatkan data autentik, makna, konteks dan kognitif yang dikaitkan dengan keintelektualan akal budi, sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu.

Simpulan bahasa "kaki botol" terbina sebagai perumpamaan untuk menggambarkan halangan atau rintangan dalam suatu proses kerana beberapa alasan yang berkait dengan karakteristik fisik dan analogi yang mudah difahami dari sebuah botol. Berikut adalah alasan-alasan utama mengapa simpulan bahasa "kaki botol" terbina. Ungkapan "kaki botol" merupakan simpulan bahasa yang merujuk kepada seseorang yang suka minum minuman keras atau alkohol. Penggunaan istilah "kaki" dalam banyak bahasa melambangkan seseorang yang terlibat dalam tabiat suatu kegiatan. Kaki merupakan anggota badan kita yang membolehkan kita berdiri tegak, berlari dan berjalan. Kaki digunakan kerana kaki merupakan anggota badan yang berada di bawah sekali. Masyarakat pada zaman dahulu menggambarkan perbuatan atau tingkah laku yang menggunakan kaki adalah sesuatu perbuatan yang tidak elok sesuai kerana kedudukannya di bawah sekali dan masyarakat Melayu sangat mementingkan adab, sopan santun dan budi bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kaki merupakan anggota badan yang dapat membawa seseorang ke tempat tertentu. Jika tiada kaki, maka seseorang tidak dapat bergerak ke suatu tempat yang tidak baik. Sebagai contoh, "kaki judi" merujuk kepada orang yang suka berjudi. Dalam konteks "kaki botol," istilah ini menggambarkan seseorang yang sering kali terlihat dengan botol minuman keras, seolah-olah botol tersebut menjadi sebahagian daripada hidup mereka.

Seterusnya, timbul persoalan kenapa botol dan bukan kotak? Secara amnya, kita dapat ketahui bahawa botol digunakan untuk merujuk kepada bentuk arak yang biasanya diisi dalam botol dan kemudiannya dijual. Botol amat sesuai digunakan untuk mengisi sesuatu yang bersifat cecair sesuai dengan sifat arak yang berbentuk cecair. Jika kotak yang digunakan, sudah pasti kotak tersebut akan basah dan cecair itu akan keluar. Perbuatan meminum arak merupakan perbuatan yang tidak baik. Sejarah peribahasa ‘kaki botol’ bermula pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Pada masa itu, botol kaca yang digunakan untuk minuman keras sering dibuang di tepi jalan. Orang Melayu yang melihat botol-botol tersebut sering berkata “kaki botol” untuk merujuk kepada orang yang kerap meminum minuman keras.

Selain itu, simpulan bahasa 'kaki botol' juga terbentuk daripada budaya dan kebiasaan masyarakat dahulu. Pada zaman dahulu, minuman keras mungkin menjadi sebahagian daripada budaya atau kebiasaan dalam acara-acara sosial tertentu. Orang yang sering minum dalam konteks ini mudah dikenali oleh masyarakat, sehingga muncul istilah yang menggambarkan kebiasaan tersebut. Seterusnya 'kaki botol' juga terbentuk daripada pengaruh sosial dan moral seseorang. Istilah ini juga berfungsi sebagai bentuk perbuatan sosial seseorang. Masyarakat Islam, menekankan nilai-nilai agama antaranya ialah minum minuman keras dianggap sebagai perbuatan negatif dan berdosa besar. Simpulan bahasa seperti "kaki botol" digunakan untuk menunjukkan sosial yang buruk terhadap kebiasaan tersebut. Simpulan bahasa "kaki botol" terbentuk daripada pelbagai aspek. Masyarakat dahulu mempunyai sebab dan penyebab mereka menggunakan perkataan kaki botol untuk dijadikan simpulan bahasa yang bermaksud seseorang yang mempunyai tabiat minum arak atau alkohol. Berikut merupakan ringkasan simpulan bahasa yang menggunakan leksikal 'kaki' dalam data berdasarkan domain positif dan negatif.

Jadual 4: Simpulan bahasa leksikal 'kaki' beserta dengan contoh ayat dan domain negatif serta positif

Bil	Senarai Simpulan Bahasa korpus	Leksikal Bahasa	"Kaki" dalam Korpus	Contoh Ayat Penggunaan Leksikal "Kaki" Dalam Domain
1	kaki botol		Ahli murtad, yang rajin berzindik, yang 'kaki botol' ahli takbur, riak, hubub dunia pun boleh laung.	Negatif
2	kaki perempuan		Apabila dia berhadapan dengan Sun Meiren yang bertubuh gempal, Encik Zhao bersikap seperti seorang 'kaki perempuan'.	Negatif
3	kaki pancing		Kepada 'kaki pancing', pakej dua hari satu malam di Pulau Ketam dengan bayaran hanya RM88 adalah amat murah berbanding destinasi memancing lain	Positif
4	kaki ayam		sebaik sahaja sampai di rumah, tanggalkan kasut dan berjalan 'kaki ayam'.	Positif

Kesimpulan

Peribahasa merupakan sebuah mutiara kata yang sangat indah dan mempunyai nilai serta ilmunya yang tersendiri. Secara umumnya, peribahasa mempunyai beberapa cabang, iaitu simpulan bahasa, pepatah, bidalan, perumpamaan dan perbilangan. Simpulan bahasa merupakan salah satu aspek yang berada dalam kategori peribahasa dan penting dalam proses pembelajaran dan pemudah cara bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini merupakan salah satu alternatif dalam memahami simpulan bahasa yang sering menjadi ujaran nenek moyang pada suatu ketika dahulu. Huraian secara mendalam diberikan oleh pengkaji agar pembaca dapat memahami setiap simpulan bahasa yang telah dikaji. Pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan Semantik Inkuisitif telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang, termasuk kajian simpulan bahasa yang diaplikasikan melalui pelbagai teori linguistik. Sehubungan itu, pengkaji berharap agar kajian ini dapat menjadi titik tolak kepada penghasilan lebih banyak penyelidikan dalam bidang simpulan bahasa, sekali gus meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap makna dan fungsi simpulan bahasa dalam konteks bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdullah, Y., Alias, M. Y., & Mohd Ra'in, S. (2009). *Semantik dan pragmatik bahasa Melayu*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Anida, S. (2012). Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata *makan*. *PENDETA – Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 3, 1–12. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1117>
- Asmah Omar. (1992). Indirectness as a rule speaking among the Malays. Dalam Asmah Hj. Omar (Pnyt.), *The linguistic scenery in Malaysia* (hlm. 175–186). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamilton, L. M., & Lahne, J. (2020). Fast and automated sensory analysis: Using natural language processing for descriptive lexicon development. *Food Quality and Preference*, 83, 103926. <https://doi.org/10.1016/j.foodqual.2020.103926>
- Hassan, H. (2023). Kajian linguistik bahasa Melayu bersumberkan korpus: Kekuatan dan kelemahannya. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(1), 23–34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.2.2023>
- Hawiyah, B., & Nor Hashimah, J. (2015). Nilai Melayu dalam simpulan bahasa: Analisis pragmatik. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK 2015)*, 79–87. <https://www.researchgate.net/publication/286439678>
- Jaafar, S., Abd. Sani, H., & Haron, R. (2018). Perubahan fungsi dan makna peribahasa dalam laman Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 354–373. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-22>
- Jafar, S., Intiana, S. R. H., Wahidah, B., & Khairussibyan, M. (2023). Pengenalan korpus data bahasa pada mahasiswa Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia FKIP Universitas Mataram. *Darma Diksani: Jurnal Pengabdian Ilmu Pendidikan, Sosial, dan Humaniora*, 3(1), 24–35. <https://doi.org/10.29303/darmadiksani.v3i1.2745>
- Junaini, K., & Julaina, N. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 9(1), 59–72. <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-06>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Bahasa Melayu sekolah menengah tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (2003). *Metaphors we live by*. University of Chicago Press.
- Marriane Tang, N. H., Nur Farakhanna, M. R., Noor Syamshida, M., & Norfaizah, A. J. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 1–20. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/185>
- Mohamad Afiq Hidayat, M. H., & Nurul Jamilah, R. (2025). Leksikal *harimau* dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 36(1), 85–99. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no1.6>

- Mohd Ridzuan, A. R. (2020). Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 1–12. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/download/247/165>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2021). Interpretasi partikel wacana *lah* dalam wawancara politik. Dalam A. M. Mashetoh (Ed.), *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (Rentas 2021)* (Vol. 1, Isu 8, hlm. 79–91). Universiti Utara Malaysia. <https://rentas2021.wixsite.com/home/prosiding>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2022). Analisis kata kunci dalam soalan karangan Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 9. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1), 205–222. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.8>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2023). Sorotan literatur bersistematik: Interpretasi partikel wacana “lah” dalam ujaran masyarakat Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(1), 261–290. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2301-14>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2024). Representation of the use of the adjective “love” between human and AI using ATLAS.ti software. Dalam Z. Rarastesa, R. Gajjala, H. Isam, & D. Djatmika (Eds.), *Proceedings of the Third International Conference on Communication, Language, Literature, and Culture (ICCoLLiC 2024)* (Vol. 883, hlm. 608–616). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/978-2-38476-321-4>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2025). Representasi fungsian partikel wacana “lah” dalam terjemahan Surah Yasin berdasarkan pendekatan abduktif. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 99–128. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb25(1)no4)
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2025a). ABCDE dalam objektif pembelajaran Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bahasa Melayu. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 15, 20–29. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol15.1.3.2025>
- Mohd Sufian, I., Anida, S., & Azman, C. M. (2022). Interpretasi partikel wacana *lah* berdasarkan ilmu balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>
- Muhammad Arif, N. H., Osman, M., & Hassan, H. (2024). Manifestasi emosi melalui metafora api: Satu representasi pemikiran Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 35(1), 1–17. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol35no1.1>
- Muhammad Faez, N. A., Wan Muna Ruzanna, W. M., & Zamri, M. (2022). Pembangunan modul pengajaran simpulan bahasa: Analisis keperluan guru. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12, 82–93. <https://journalarticle.ukm.my/19982/1/314-594-1-SM.pdf>
- Muhammad Zaid, D., Nurul Aida, A., & Mary Fatimah, S. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24–44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Format imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37–56. <https://doi.org/10.33736/ils.1616.2018>

Nasir, M. R. M., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2023). Analisis makna peribahasa Melayu-Thai dalam konteks “mendidik” melalui perspektif semantik inkuisitif. *OSF Preprints*. <https://doi.org/10.31235/osf.io/wr5sm>

Nor Hashimah, J., & Junaini, K. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(Edisi Khas), 152–172. <https://www.ejurnal.plm.org.my/index.php/jurnallinguistik/article/view/167>

Nurul Syazana, R., & Nurul Jamilah, R. (2021). Leksikal *hati* dalam simpulan bahasa: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 155–170. <https://journals.iysjl.org/article/view/xyz>

Siti Nur Solehah, B., Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2023). Analisis kata sendi nama “di” dan “dalam” dalam penulisan karangan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(1), 126–144. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol34no1.7>

Zaitul Azma, Z. H., & Ahmad Fuad, M. H. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.